



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2012

**KENAIKAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	KANDUNGAN	i
2.	SENARAI LAMPIRAN	ii
3.	SENARAI APENDIKS	iii
4.	SENARAI JADUAL	iv
5.	TUJUAN	1
6.	DEFINISI	1
7.	PELAKSANAAN	2
	Pegawai Yang Layak	2
	Pegawai Yang Tidak Layak	3
	Struktur Gaji Minimum - Maksimum	3
	Prinsip Pemberian Kenaikan Gaji	3
	Kaedah Pemandahan Gaji	3
	Tarikh Pergerakan Gaji	5
	Pergerakan Gaji Tahunan	5
	Jadual Gaji Bagi Pegawai Yang Belum Memenuhi Syarat Atau Tidak Menerima Opsyen Pertukaran Pelantikan	5
	Pegawai Kekal Di Bawah Laporan Gaji JKK 1976 Atau SSB	5
	Elaun Dan Kemudahan	5
8.	TARIKH KUAT KUASA	6
9.	PEMBATALAN	6

SENARAI LAMPIRAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
A	Jadual Gaji Minimum - Maksimum	8
B	Contoh Kaedah Pemberian Kenaikan Gaji	15
C	Contoh Kaedah Pemberian Kenaikan Gaji Bagi Pegawai Yang Berada Di Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang	18
D	Senarai Pegawai Menggunakan Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang	20
E	Contoh Kaedah Pemberian Kenaikan Gaji Bagi Pegawai Yang Tarikh Pergerakan Gajinya Pada 1 Januari 2012	21
F	Contoh Kaedah Pemberian Kenaikan Gaji Bagi Pegawai Yang Tarikh Kenaikan Pangkat Pada 1 Januari 2012	23
G	Contoh Perubahan Tarikh Pergerakan Gaji Bagi Pegawai Yang Berada Di Matagaji Maksimum Melebihi Satu (1) Tahun	27
H	Contoh Pergerakan Gaji Tahunan Terhadap Kepada Gaji Maksimum	28
I	Penetapan Kadar Dan Kelayakan Elaun Yang Dipinda	31

SENARAI APENDIKS

Bil.	Perkara	Muka Surat
1	Perenggan 75 Dan Lampiran F, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011	33

SENARAI JADUAL

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Kadar Peratusan Kenaikan Gaji Mengikut Gred Dan Kumpulan Perkhidmatan	4



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2012

**KENAIKAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan sebagaimana diumumkan pada 8 Mac 2012 mengenai kenaikan gaji sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) dengan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) antara RM85.00 hingga RM325.00 kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, serta Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi PDRM, kenaikan gaji diberi sebanyak 8% hingga 9% dengan KGT berdasarkan pelarasan peratusan yang ditetapkan.

DEFINISI

2. Dalam pekeling perkhidmatan ini:

“gaji baru” bermaksud amaun gaji yang telah diberi kenaikan mengikut peratusan yang ditetapkan berkuat kuasa 1 Januari 2012.

“gaji hakiki” bermaksud gaji yang ditetapkan di gred hakiki pegawai pada 31 Disember 2011.

“Kumpulan Pelaksana” bermaksud Kumpulan Sokongan di bawah SSM.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

3. Pegawai tetap dan kontrak (*Contract of Service*) layak diberi kenaikan gaji ini.
4. Kenaikan gaji hendaklah diberi kepada pegawai yang sedang berkhidmat pada atau selepas 1 Januari 2012 termasuk yang berada dalam keadaan seperti berikut:
 - 4.1 pegawai yang dipinjam atau ditukar sementara ke agensi Kerajaan, kenaikan gaji hendaklah dilaksanakan mengikut gred gaji jawatan peminjaman atau pertukaran sementara. Gaji hakiki pegawai berkenaan hendaklah diselaraskan secara isyarat oleh Ketua Jabatan.
 - 4.2 pegawai yang dipinjamkan ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, gaji hakiki pegawai berkenaan hendaklah diselaraskan secara isyarat oleh Ketua Jabatan.
 - 4.3 pegawai yang cuti bergaji penuh, kenaikan gaji hendaklah dilaksanakan atas gaji hakiki yang diterima.
 - 4.4 pegawai yang cuti separuh gaji, kenaikan gaji hendaklah dilaksanakan atas gaji hakiki dan pegawai dibayar separuh daripada gaji baru.
 - 4.5 pegawai yang cuti tanpa gaji, kenaikan gaji hendaklah dilaksanakan secara isyarat atas gaji hakiki. Pegawai dibayar gaji setelah mengambil kira gaji baru yang telah diselaraskan apabila kembali bertugas.

5. Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 2012 layak menerima gaji baru. Ketua Jabatan terakhir di mana pegawai ditempatkan adalah bertanggungjawab terhadap kenaikan gaji pegawai tersebut.

6. Peratusan kenaikan gaji sahaja dipanjangkan kepada pegawai Perkhidmatan PDRM yang masih berkhidmat di bawah saraan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976 atau Sistem Saraan Baru (SSB).

Pegawai Yang Tidak Layak

7. Gaji baru tidak diberi kepada:

7.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja yang berkuat kuasa pada atau sebelum 1 Januari 2012.

7.2 pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Januari 2012.

Struktur Gaji Minimum - Maksimum

8. Jadual Gaji Sebaris bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Jadual Gaji Matriks bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional, serta Kumpulan Pelaksana yang berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2011 adalah digantikan dengan Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM). JGMM adalah di **Lampiran A**.

Prinsip Pemberian Kenaikan Gaji

9. Prinsip pemberian kenaikan gaji adalah berdasarkan gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2011 dan ditambah dengan kadar peratusan kenaikan gaji mengikut gred.

Kaedah Pemindahan Gaji

10. Bagi maksud pemindahan gaji sebagai amaun gaji baru dalam JGMM pada 1 Januari 2012, gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2011 ditambah dengan kadar peratusan kenaikan gaji yang ditetapkan mengikut gred seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1:
Kadar Peratusan Kenaikan Gaji Mengikut Gred dan Kumpulan Perkhidmatan

Kumpulan Perkhidmatan	Gred Gaji	Kadar Kenaikan Gaji
Pengurusan Tertinggi	VUYA3	8%
	VUYA7 - VUYA5	9%
Pengurusan dan Profesional	YA13 - YA24	13%
Pelaksana	YA1 - YA10	
	YP1 - YP10	
	YT1 - YT10	

Contoh kaedah pemberian gaji baru adalah seperti di **Lampiran B**.

11. Pegawai yang telah diluluskan Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) di bawah SSM oleh Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diberi gaji baru mengikut prinsip dan kaedah seperti di perenggan 9 dan 10.

12. Contoh kaedah pemberian gaji baru KUP adalah seperti di **Lampiran C**. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan senarai pegawai yang diberi gaji baru KUP menggunakan format seperti di **Lampiran D** kepada JPA.

13. Pegawai yang Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) adalah pada 1 Januari 2012 hendaklah diberi gaji baru terlebih dahulu, dan seterusnya diberi Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) (tertakluk kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia) dalam JGMM. Contoh kaedah pemberian gaji baru adalah seperti di **Lampiran E**.

14. Pegawai yang tarikh kenaikan pangkat pada 1 Januari 2012, hendaklah diberi gaji baru atas gred asal terlebih dahulu dan kemudiannya diberi PGT untuk tahun 2012 dalam JGMM gred asal dan diikuti dengan penetapan gaji permulaan di gred kenaikan pangkat menggunakan JGMM. Contoh kaedah pemberian gaji baru adalah seperti di **Lampiran F**.

Tarikh Pergerakan Gaji

15. Kenaikan gaji ini tidak mengubah TPG pegawai. Walau bagaimanapun, bagi pegawai yang berada di matagaji maksimum melebihi satu (1) tahun perkhidmatan pada 31 Disember 2011, di Jadual Gaji Sebaris atau di Peringkat 1 (P1) atau Peringkat 2 (P2) atau Peringkat 3 (P3) dalam Jadual Gaji Matriks di bawah SSM termasuk pegawai yang berada di Jadual Gaji KUP di perenggan 11, TPG diubah kepada 1 Januari. Contoh perubahan TPG berkaitan adalah seperti di **Lampiran G.**

Pergerakan Gaji Tahunan

16. Mulai tahun 2012 dan seterusnya, PGT pegawai adalah terhad kepada gaji maksimum dalam JGMM. Contoh PGT adalah seperti di **Lampiran H.**

Jadual Gaji Bagi Pegawai Yang Belum Memenuhi Syarat Atau Tidak Menerima Opsyen Pertukaran Pelantikan

17. Bagi pegawai yang menerima opsyen pertukaran pelantikan tetapi belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan mengikut pekeliling perkhidmatan yang berkaitan atau pegawai yang tidak menerima opsyen pertukaran pelantikan, JGMM adalah seperti di **Lampiran A.** Sekiranya JGMM tersebut tidak terdapat dalam **Lampiran A.** Ketua Jabatan hendaklah memohon JGMM daripada Bahagian Saraan, JPA.

Pegawai Kekal Di Bawah Laporan Gaji JKK 1976 Atau SSB

18. Bagi pegawai yang masih berkhidmat di bawah saraan Laporan Gaji JKK 1976 atau SSB, Ketua Jabatan hendaklah memohon skel gaji Laporan Gaji JKK 1976 atau jadual gaji SSB yang baru daripada Bahagian Saraan, JPA.

Elaun dan Kemudahan

19. Gaji baru ini tidak mengubah elaun dan kemudahan di bawah SSM kecuali elaun yang kadar atau kelayakannya adalah berdasarkan gaji atau lingkungan gaji. Penetapan kadar dan kelayakan elaun yang dipinda adalah seperti di **Lampiran I.**

TARIKH KUAT KUASA

20. Pekeliling perkhidmatan ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa mulai **1 Januari 2012**.


PEMBATALAN

21. Dengan berkuatkuasanya pekeling perkhidmatan ini maka jadual gaji dan peruntukan-peruntukan pekeling perkhidmatan berikut adalah dibatalkan:

21.1 **jadual gaji** bagi Perkhidmatan PDRM di bawah SSM sebelum 1 Januari 2012.

21.2 semua peruntukan dalam Pekeling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011 (Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia) kecuali perenggan 75 dan lampiran yang berkaitan seperti di Apendiks 1.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

30 Mac 2012

Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Ketua Polis Negara

Ketua Audit Negara

LAMPIRAN

Lampiran A

INDEKS JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	LAMPIRAN	MUKA SURAT
PENGURUSAN TERTINGGI				
1	KETUA POLIS NEGARA	VUYA3	A1	9
2	TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA	VUYA5		
3	PESURUHJAYA POLIS	VUYA6		
4	TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS	VUYA7		
PEGAWAI KANAN POLIS				
5	PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS	YA24	A2	10
6	PENOLONG PESURUHJAYA POLIS	YA22		
7	PENGUASA POLIS	YA20		
8	TIMBALAN PENGUASA POLIS	YA18		
9	PENOLONG PENGUASA POLIS	YA16		
10	INSPEKTOR	YA13		
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL				
11	SUB INSPEKTOR	YA10	A3	11
12	SARJAN MEJAR	YA8		
13	SARJAN	YA6		
14	SARJAN	YA5		
15	KOPERAL	YA4		
16	LANS KOPERAL	YA2		
17	KONSTABEL	YA1		
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI				
18	SUB INSPEKTOR	YP10	A4	12
19	SARJAN MEJAR	YP8		
20	SARJAN	YP6		
21	KOPERAL	YP4		
22	LANS KOPERAL	YP2		
23	KONSTABEL	YP1		
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL SOKONGAN				
24	SUB INSPEKTOR	YT10	A5	13
25	SARJAN MEJAR	YT8		
26	SARJAN	YT6		
27	KOPERAL	YT4		
28	LANS KOPERAL	YT2		
29	KONSTABEL	YT1		
SKIM PERKHIDMATAN JUMUD				
PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL (YY)				
1	KOPERAL	YY4	A6	14
2	LANS KOPERAL	YY2		
3	KONSTABEL	YY1		

Lampiran A1

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI MULAI 1 JANUARI 2012

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	PANGKAT	GED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN (Peratusan mengikut gaji pegawai)
SSM303VUYA03000	Ketua Polis Negara	VUYA3	10,385.26	16,285.76	8%
SSM303VUYA05000	Timbalan Ketua Polis Negara	VUYA5	8,596.86	13,464.42	9%
SSM303VUYA06000	Pesuruhjaya Polis	VUYA6	7,946.10	12,449.45	9%
SSM303VUYA07000	Timbalan Pesuruhjaya Polis	VUYA7	7,289.95	11,421.46	9%

Lampiran A2

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2012**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	PANGKAT	GED GAJI	PERINGKAT	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM303YA24000	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	YA24	P1	6,419.09	8,555.97	325.00
			P2	6,911.17	9,257.81	
SSM303YA22000	Penolong Pesuruhjaya Polis	YA22	P1	5,685.62	7,182.60	295.00
			P2	6,195.45	7,789.22	
SSM303YA20000	Penguasa Polis	YA20	P1	4,909.58	6,604.40	275.00
			P2	5,285.51	7,096.49	
SSM303YA18000	Timbalan Penguasa Polis	YA18	P1	3,429.50	5,870.89	255.00
			P2	3,737.01	6,338.23	
SSM303YA16000	Penolong Penguasa Polis	YA16	P1	2,406.90	5,567.07	245.00
			P2	2,714.41	6,087.70	
SSM303YA13000	Inspektor	YA13	P1	2,328.12	5,327.53	230.00
			P2	2,479.21	5,579.96	
			P3	2,635.62	5,837.50	

Lampiran A3

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2012**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	PANGKAT	GREJ GAJI	PERINGKAT	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM303YA10000	Sub Inspektor	YA10	P1	2,296.96	4,084.40	170.00
			P2	2,544.04	4,480.97	
SSM303YA08000	Sarjan Mejar	YA8	P1	2,003.67	3,781.11	160.00
			P2	2,250.75	4,177.68	
SSM303YA06000	Sarjan	YA6	P1	1,710.39	3,675.74	150.00
			P2	1,935.62	4,033.13	
SSM303YA05000	Sarjan	YA5	P1	1,710.39	3,675.74	150.00
			P2	1,821.06	3,852.49	
			P3	1,935.62	4,033.13	
SSM303YA04000	Koperal	YA4	P1	1,210.92	2,993.38	110.00
			P2	1,378.00	3,347.78	
SSM303YA02000	Lans Koperal	YA2	P1	1,566.42	2,688.11	105.00
			P2	1,733.50	2,947.59	
SSM303YA01000	Konstabel	YA1	P1	1,013.61	2,433.90	100.00
			P2	1,081.56	2,540.49	
			P3	1,151.46	2,649.49	

Lampiran A4

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS DAN KONSTABEL ORANG ASLI
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2012**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	PANGKAT	GREDE GAJI	PERINGKAT	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM303YP10000	Sub Inspektor	YP10	P1	2,286.00	3,260.28	120.00
			P2	2,557.81	3,594.29	
SSM303YP08000	Sarjan Mejar	YP8	P1	1,965.64	2,934.92	115.00
			P2	2,214.16	3,245.63	
SSM303YP06000	Sarjan	YP6	P1	1,645.27	2,716.33	110.00
			P2	1,870.50	3,011.53	
SSM303YP04000	Koperal	YP4	P1	1,169.60	2,524.93	105.00
			P2	1,324.93	2,868.72	
SSM303YP02000	Lans Koperal	YP2	P1	1,557.91	2,222.58	90.00
			P2	1,713.24	2,455.66	
SSM303YP01000	Konstabel	YP1	P1	965.73	2,040.95	85.00
			P2	1,033.68	2,137.88	
			P3	1,103.58	2,237.11	

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PEGAWAI RENDAH POLIS
DAN KONSTABEL SOKONGAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2012**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	PANGKAT	GRED GAJI	PERINGKAT	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM303YT10000	Sub Inspektor	YT10	P1	2,175.33	3,149.61	120.00
			P2	2,423.85	3,460.33	
SSM303YT08000	Sarjan Mejar	YT8	P1	1,858.85	2,828.13	115.00
			P2	2,107.37	3,138.85	
SSM303YT06000	Sarjan	YT6	P1	1,538.50	2,609.56	110.00
			P2	1,763.73	2,904.76	
SSM303YT04000	Koperal	YT4	P1	1,103.58	2,352.13	105.00
			P2	1,258.91	2,688.15	
SSM303YT02000	Lans Koperal	YT2	P1	1,486.07	2,078.91	90.00
			P2	1,641.40	2,302.27	
SSM303YT01000	Konstabel	YT1	P1	851.17	1,794.36	85.00
			P2	919.12	1,887.43	
			P3	989.02	1,982.74	

Lampiran A6

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 JANUARI 2012
(SKIM PERKHIDMATAN JUMUD)**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	PANGKAT	GED GAJI	PERINGKAT	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM303YY04000	Koperal	YY4	P1	1,210.92	2,993.38	110.00
			P2	1,378.00	3,347.78	
SSM303YY02000	Lans Koperal	YY2	P1	1,566.42	2,688.11	105.00
			P2	1,733.50	2,947.59	
SSM303YY01000	Konstabel	YY1	P1	1,013.61	2,433.90	100.00
			P2	1,081.56	2,540.49	
			P3	1,151.46	2,649.49	

**CONTOH 1: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
TIMBALAN PENGUASA POLIS GRED YA18 YANG DIBERI KENAIKAN
GAJI 13% DARIPADA MATAGAJI JGM KEPADA GAJI BARU JGMM**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P1
 Gaji Minimum - Maksimum : RM3429.50 - RM5870.89
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM255

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA18 (RM)	Gaji Baru Gred YA18 (RM)	Catatan
31.12.2011	3937.89 (P1T8)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	3937.89 (P1T8)	4449.82 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P1) dan dipindahkan ke JGMM P1.
1.7.2012	-	4704.82 (diberi 1 KGT di Gred YA18 iaitu RM255)	TPG Gred YA18. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 2: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
LANS KOPERAL GRED YA2 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI JGM KEPADA GAJI BARU JGMM**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P2
 Gaji Minimum - Maksimum : RM1733.50 - RM2947.59
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM105

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA2 (RM)	Gaji Baru Gred YA2 (RM)	Catatan
31.12.2011	2213.57 (P2T10)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	2213.57 (P2T10)	2501.33 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P2) dan dipindahkan ke JGMM P2.
1.10.2012	-	2606.33 (diberi 1 KGT di Gred YA2 iaitu RM105)	TPG Gred YA2. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 3: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS GRED UTAMA C YANG DIBERI KENAIKAN
GAJI 9% DARIPADA MATAGAJI JGS KEPADA GAJI BARU JGMM**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai
 Kadar Kenaikan Gaji : 9%
 Gaji Minimum - Maksimum : RM7289.95 - RM11421.46
 Kenaikan Gaji Tahunan : 9% daripada gaji pegawai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred VUYA7 (RM)	Gaji Baru Gred VUYA7 (RM)	Catatan
31.12.2011	8831.56 (Matagaji 4)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	8831.56 (Matagaji 4)	9626.40 (diberi kenaikan gaji sebanyak 9% daripada gaji pegawai)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 9% di gred gaji asal dan dipindahkan ke JGMM.
1.7.2012	-	10492.78 (diberi 1 KGT di Gred VUYA7 iaitu 9% daripada gaji pegawai)	TPG Gred VUYA7. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:
 PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
 TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 1: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
KOPERAL GRED YA4 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) DAN KEPADA GAJI BARU JGMM**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P2
 Gaji Minimum - Maksimum : RM1378.00 - RM3347.48
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM110

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA4 (RM)	Gaji Baru Gred YA4 (RM)	Catatan
31.12.2011	2966.67 (Gaji KUP YA4-1)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	2966.67 (Gaji KUP YA4-1)	3352.34 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P2) dan dipindahkan ke JGMM P2.
1.7.2012	-	3352.34 (gaji KUP)	TPG Gred YA4. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.
1.7.2013	-	3352.34 (gaji KUP)	TPG Gred YA4. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di gaji KUP.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 2: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
SARJAN MEJAR GRED YP8 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI JGM KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) KEPADA GAJI BARU JGMM**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P1
 Gaji Minimum - Maksimum : RM1965.64 - RM2934.92
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM115

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YP8 (RM)	Gaji Baru Gred YP8 (RM)	Catatan
31.12.2011	2590.00 (Gaji KUP YP8-1)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	2590.00 (Gaji KUP YP8-1)	2926.70 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P1) dan dipindahkan ke JGMM P1. TPG Gred KUP YP8-1 berubah dari 1 Oktober ke 1 Januari kerana telah berada di gaji KUP melebihi setahun perkhidmatan.
1.1.2012	-	2934.92 (diberi PGT di Gred YP8 terhad kepada Gaji Maksimum P1)	TPG baru Gred YP8. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM, terhad kepada Gaji Maksimum P1 RM2934.92 dalam JGMM. Dalam hal ini, PGT pegawai ialah RM8.22 iaitu kurang daripada KGT penuh iaitu RM115.
1.1.2013	-	2934.92 (Gaji Maksimum Pegawai)	TPG Gred YP8. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai berada di Gaji Maksimum.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

**Senarai Pegawai Menggunakan Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP)
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012**

Kementerian/ Jabatan :

Bil.	Nama Pegawai	No. Polis	Pangkat/ Gred Gaji	No. Rujukan Surat Kelulusan JPA	No. Rujukan Jadual Gaji KUP Yang Diluluskan	Sebab Diberi Gaji KUP	Amaun Gaji Baru Setelah Diberi Kenaikan Gaji (RM)

**CONTOH 1: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
SUB INSPEKTOR GRED YA10 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI JGM KEPADA GAJI BARU JGMM YANG TARIKH PERGERAKAN
GAJI SAMA DENGAN TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P2
 Gaji Minimum - Maksimum : RM2544.04 - RM4480.97
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM170

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA10 (RM)	Gaji Baru Gred YA10 (RM)	Catatan
31.12.2011	3591.64 (P2T13)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	3591.64 (P2T13)	4058.55 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P2) dan dipindahkan ke JGMM P2.
1.1.2012	-	4228.55 (diberi 1 KGT di Gred YA10 iaitu RM170)	TPG Gred YA10. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2013	-	4398.55 (diberi 1 KGT di Gred YA10 iaitu RM170)	TPG Gred YA10. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 2: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
INSPEKTOR GRED YA13 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI JGM KEPADA GAJI BARU JGMM YANG TARIKH PERGERAKAN
GAJI SAMA DENGAN TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Januari
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P3
 Gaji Minimum - Maksimum : RM2635.62 - RM5837.50
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM230

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA13 (RM)	Gaji Baru Gred YA13 (RM)	Catatan
31.12.2011	4270.29 (P3T15)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	4270.29 (P3T15)	4825.43 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P3) dan dipindahkan ke JGMM P3.
1.1.2012	-	5055.43 (diberi 1 KGT di Gred YA13 iaitu RM230)	TPG Gred YA13. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2013	-	5285.43 (diberi 1 KGT di Gred YA13 iaitu RM230)	TPG Gred YA13. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 1: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
KONSTABEL GRED YA1 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI JGM KEPADA GAJI BARU JGMM DAN DINAIKKAN PANGKAT KE
GRED YA2 PADA TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Tarikh Kenaikan Pangkat : 1 Januari 2012
 Peringkat Gaji : P1
 Gaji Minimum - Maksimum YA1 : RM1013.61 - RM2433.90
 Kenaikan Gaji Tahunan YA1 : RM100
 Gaji Minimum - Maksimum YA2 : P1 RM1566.42 - RM2688.11
 P2 RM1733.50 - RM2947.59
 Kenaikan Gaji Tahunan YA2 : RM105

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA1 (RM)	Gaji Baru Gred YA1 (RM)	Gaji Baru Gred YA2 (RM)	Catatan
31.12.2011	1831.72 (P1T17)	-	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	1831.72 (P1T17)	2069.84 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	-	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P1) dan dipindahkan ke JGMM P1.
1.1.2012	-	2169.84 (diberi 1 KGT di Gred YA1 iaitu RM100)	-	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat. TPG Gred YA1 diawalkan (TPG asal 1 April).

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA1 (RM)	Gaji Baru Gred YA1 (RM)	Gaji Baru Gred YA2 (RM)	Catatan
1.1.2012	-	2169.84	2269.84 (diberi 1 KGT di Gred YA1 iaitu RM100)	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat. Penetapan Gaji Permulaan ke gred jawatan kenaikan pangkat. TPG berubah dari 1 April ke 1 Januari mulai tahun berikutnya.
1.4.2012	-	-	2269.84	TPG Gred YA1. Tiada Pergerakan Gaji Tahunan kerana telah diberi dahulu pada tarikh kenaikan pangkat ke Gred YA2 pada 1 Januari 2012.
1.1.2013	-	-	2374.84 (diberi 1 KGT di Gred YA2 iaitu RM105)	TPG Gred YA2. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 2: KAEDAH PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
INSPEKTOR GRED YA13 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI JGM KEPADA GAJI BARU JGMM DAN DINAIKKAN PANGKAT KE
GRED YA16 PADA TARIKH KUAT KUASA**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Tarikh Kenaikan Pangkat : 1 Januari 2012
 TPG Gred Kenaikan Pangkat : 1 Januari
 Peringkat Gaji : P2
 Gaji Minimum - Maksimum YA13 : RM2479.21 - RM5579.96
 Kenaikan Gaji Tahunan YA13 : RM230
 Gaji Minimum - Maksimum YA16 : P1 RM2406.90 - RM5567.07
 : P2 RM2714.41 - RM6087.70
 Kenaikan Gaji Tahunan YA16 : RM245

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA13 (RM)	Gaji Baru Gred YA13 (RM)	Gaji Baru Gred YA16 (RM)	Catatan
31.12.2011	4734.48 (P2T20)	-	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	4734.48 (P2T20)	5349.96 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	-	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P2) dan dipindahkan ke JGMM P2.
1.1.2012	-	5579.96 (diberi 1 KGT di Gred YA13 iaitu RM230)	-	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat. TPG Gred YA13 diawalkan (TPG asal 1 April).

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA13 (RM)	Gaji Baru Gred YA13 (RM)	Gaji Baru Gred YA16 (RM)	Catatan
1.1.2012	-	5579.96	5809.96 (diberi 1 KGT di Gred YA13 iaitu RM230)	Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat. Penetapan Gaji Permulaan ke gred jawatan kenaikan pangkat di P2 kerana P1 tidak dapat menampung gaji pegawai. TPG berubah dari 1 April ke 1 Januari mulai tahun berikutnya.
1.4.2012	-	-	5809.96	Pergerakan Gaji Tahunan Gred YA13. Tiada Pergerakan Gaji Tahunan kerana telah diberi dahulu pada tarikh kenaikan pangkat ke Gred YA16 pada 1 Januari 2012.
1.1.2013	-	-	6054.96 (diberi 1 KGT di Gred YA16 iaitu RM245)	TPG Gred YA16. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH PERUBAHAN TARIKH PERGERAKAN GAJI
SARJAN MEJAR GRED YA8 YANG TELAH BERADA DI MATAGAJI
MAKSIMUM MELEBIHI SETAHUN DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI JGM KEPADA GAJI BARU JGMM**

Tarikh Kuat kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P2
 Gaji Minimum - Maksimum : RM2250.75 - RM4177.68
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM160

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA8 (RM)	Gaji Baru Gred YA8 (RM)	Catatan
31.12.2011	3555.47 (P2T15)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	3555.47 (P2T15)	4017.68 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P2) dan dipindahkan ke JGMM P2.
1.1.2012	-	4177.68 (diberi 1 KGT di Gred YA8 iaitu RM160)	TPG Gred YA8 diubah daripada 1 Julai kepada 1 Januari kerana telah berada di matagaji maksimum melebihi setahun. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2012	-	4177.68	TPG asal di Gred YA8 telah diubah ke 1 Januari kerana telah berada di gaji maksimum melebihi setahun.
1.1.2013	-	4177.68 (gaji maksimum pegawai)	TPG Gred YA8. Tiada pergerakan gaji kerana tertakluk kepada Gaji Maksimum P2 RM4177.68 dalam JGMM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**CONTOH 1: PERGERAKAN GAJI TAHUNAN
KONSTABEL GRED YT1 TERHAD KEPADA GAJI MAKSIMUM JGMM**

Tarikh Kuat kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 April
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P3
 Gaji Minimum - Maksimum : RM989.02 - RM1982.74
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM85

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YT1 (RM)	Gaji Baru Gred YT1 (RM)	Catatan
31.12.2011	1617.56 (P3T13)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	1617.56 (P3T13)	1827.84 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P3) dan dipindahkan ke JGMM P3.
1.4.2012	-	1912.84 (diberi 1 KGT di Gred YT1 iaitu RM85)	TPG Gred YT1. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.4.2013	-	1982.74 (PGT pegawai di Gred YT1 terhadap kepada Gaji Maksimum P3)	TPG Gred YT1. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM, terhadap kepada Gaji Maksimum P3 RM1982.74 dalam JGMM. Dalam hal ini, PGT pegawai ialah RM69.90 iaitu kurang daripada KGT penuh iaitu RM85.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

**CONTOH 2: PERGERAKAN GAJI TAHUNAN
SARJAN GRED YA6 TERHAD KEPADA GAJI MAKSIMUM JGMM**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Oktober
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P2
 Gaji Minimum - Maksimum : RM1935.62 - RM4013.13
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM150

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA6 (RM)	Gaji Baru Gred YA6 (RM)	Catatan
31.12.2011	3335.02 (P2T17)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	3335.02 (P2T17)	3768.57 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P2) dan dipindahkan ke JGMM P2.
1.10.2012	-	3918.57 (diberi 1 KGT YA6 iaitu RM150)	TPG Gred YA6. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.10.2013	-	4013.13 (PGT pegawai di Gred YA6 terhadap kepada Gaji Maksimum P2)	TPG Gred YA6. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM, terhadap kepada Gaji Maksimum P2 RM4013.13 dalam JGMM. Dalam hal ini, PGT pegawai ialah RM94.56 iaitu kurang daripada KGT penuh iaitu RM150.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

PGT : Pergerakan Gaji Tahunan

**CONTOH 3: PERGERAKAN GAJI TAHUNAN
KOPERAL GRED YA4 YANG DIBERI KENAIKAN GAJI 13% DARIPADA
MATAGAJI KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) DAN
TERHAD KEPADA GAJI MAKSIMUM JGMM**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2012
 Tarikh Pergerakan Gaji : 1 Julai
 Kadar Kenaikan Gaji : 13%
 Peringkat Gaji : P1
 Gaji Minimum - Maksimum : RM1210.92 - RM2993.38
 Kenaikan Gaji Tahunan : RM110

Tarikh	Gaji Sekarang Gred YA4 (RM)	Gaji Baru Gred YA4 (RM)	Catatan
31.12.2011	2646.16 (Gaji KUP YA4-1)	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa.
1.1.2012	2646.16 (Gaji KUP YA4-1)	2990.16 (diberi kenaikan gaji sebanyak 13%)	Tarikh kuat kuasa kenaikan gaji. Diberi pemindahan gaji dari matagaji sekarang mengikut kadar peratusan kenaikan gaji 13% di gred dan peringkat gaji asal (P1) dan dipindahkan ke JGMM P1.
1.1.2012		2993.38 (PGT pegawai di Gred YA4 terhad kepada Gaji Maksimum P1)	TPG Gred YA4 diubah daripada 1 Julai kepada 1 Januari kerana telah berada di matagaji KUP melebihi setahun. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM terhad kepada Gaji Maksimum P1 RM2993.38 dalam JGMM. Dalam hal ini, PGT pegawai ialah RM3.22 iaitu kurang daripada KGT penuh iaitu RM110.
1.1.2013	-	2993.38 (gaji maksimum pegawai)	TPG Gred YA4. Tiada pergerakan gaji kerana tertakluk kepada Gaji Maksimum P1 RM2993.38 dalam JGMM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

PENETAPAN KADAR DAN KELAYAKAN ELAUN YANG DIPINDA

1. **Bayaran Insentif Wilayah**

Lingkungan gaji bagi menetapkan kadar Bayaran Insentif Wilayah di perenggan 1 Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007, dipinda seperti berikut:

Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratusan Daripada Gaji Yang Diterima
RM6,289.14 dan ke atas	12.5%
RM4,029.64 - RM6,289.13	15.0%
RM2,015.74 - RM4,029.63	17.5%
RM1,329.74 - RM2,015.73	20.0%
RM951.35 - RM1,329.73	22.5%
RM951.34 ke bawah	25.0%

2. **Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas ‘C’ Bagi Pegawai Yang Bergaji Kurang Daripada RM1,820.75 Sebulan**

Gaji pegawai yang layak dipertimbangkan Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas ‘C’ seperti di perenggan 2 Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007 dipinda daripada RM1,611.28 kepada RM1,820.75 sebulan. Syarat pertimbangan hendaklah mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1984.

3. **Elaun Perjalanan Kenderaan**

Lingkungan gaji bagi maksud tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan di perenggan 3 Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007 dipinda seperti berikut:

Kelas	Lingkungan Gaji	Sukatan Selinder
A	Tidak kurang dari RM2,625.45 sebulan	1400 s.s ke atas
B	Tidak kurang dari RM2,333.00 sebulan	1000 s.s ke atas
C	Tidak kurang dari RM1,820.75 sebulan	Di bawah 1000 s.s
D	Kurang dari RM1,820.75 sebulan	Tidak kurang 175 s.s
E	Kurang dari RM1,820.75 sebulan	Di bawah 175 s.s

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011

Umur Persaraan Paksa 60 Tahun

75. Bagi pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 2012, umur persaraan paksa adalah 60 tahun. Bagi pegawai yang kini tertakluk kepada umur persaraan paksa 55 tahun, 56 tahun atau 58 tahun, pegawai akan ditawarkan opsyen melanjutkan perkhidmatan sehingga umur persaraan paksa 60 tahun. Borang opsyen pelanjutan umur persaraan paksa 60 tahun seperti di **Lampiran F**.

Lampiran F

OPSYEN UMUR PERSARAAN PAKSA

(Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011)

Kepada :

(Ketua Jabatan)

Tuan,

Merujuk kepada **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011**, saya dengan ini membuat opsyen untuk *:

- i. *(Pilihan ini **hanyalah** bagi pegawai yang telah memilih bersara paksa apabila mencapai umur **55 tahun** di bawah P.P.6/2008)*

Kekal bersara paksa apabila mencapai umur **55 tahun** dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] dibaca bersama Akta Pencen (Pindaan) 2011, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

ATAU

Bersara paksa apabila mencapai umur **60 tahun** dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] dibaca bersama Akta Pencen (Pindaan) 2011, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

- ii. (Pilihan ini ***hanyalah*** bagi pegawai yang telah memilih bersara paksa apabila mencapai umur **56 tahun** di bawah P.P.6/2008)

Kekal bersara paksa apabila mencapai umur **56 tahun** dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] dibaca bersama Akta Pencen (Pindaan) 2011, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

ATAU

Bersara paksa apabila mencapai umur **60 tahun** dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] dibaca bersama Akta Pencen (Pindaan) 2011, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

- iii. (Pilihan ini ***hanyalah*** bagi pegawai yang telah memilih bersara paksa apabila mencapai umur **58 tahun** di bawah P.P.6/2008 atau yang telah dilantik pertama kalinya pada atau selepas **1 Julai 2008**)

Kekal bersara paksa apabila mencapai umur **58 tahun** dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] dibaca bersama Akta Pencen (Pindaan) 2011, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

ATAU

Bersara paksa apabila mencapai umur **60 tahun** dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 [Akta 227] dibaca bersama Akta Pencen (Pindaan) 2011, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2011 serta implikasi opsyen saya ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

* Tandakan (√) dalam mana-mana **satu (1)** petak yang berkenaan sahaja

Nota: Opsyen ini hanya untuk kekal umur persaraan paksa sekarang atau memilih umur persaraan paksa 60 tahun. Pegawai tidak boleh memilih umur persaraan paksa selain daripada itu. Contohnya, sekiranya telah dipilih umur persaraan paksa 58 tahun pada tahun 2008 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2008 - Tawaran Opsyen Pelanjutan Umur Persaraan Wajib Kepada 58 Tahun, pegawai tidak dibenarkan memilih umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun.